

**PERSEPSI BAKAL GURU TENTANG TAHAP KEMAHIRAN
KOMUNIKASI BERKESAN DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN
AKHIR ALIRAN SAINS FAKULTI PENDIDIKAN UTM**


SITI SUMAZIANA BINTI CHE ALI MOHAMED

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGESAHAN PENYELIA

" Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Serta Pendidikan (Sains)"

Tandatangan :



Nama penyelia : PROF MADYA AZIZ BIN NORDIN

Tarikh : 04 APRIL 2008

PERSEPSI BAKAL GURU TENTANG TAHAP KEMAHIRAN KOMUNIKASI
BERKESAN DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR ALIRAN SAINS
FAKULTI PENDIDIKAN UTM

SITI SUMAZIANA BINTI CHE ALI MOHAMED

Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai
Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains)


Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2008

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :



Nama Penulis : SITI SUMAZIANA BINTI CHE ALI MOHAMED

Tarikh : 04 APRIL 2008

DEDIKASI

Ayahanda Che Ali Mohamed Bin Che Amat dan Bonda tersayang Siti
Alias Dulah @ Fasih Abdullah serta

kakak-kakak, abang-abang dan adik-adik yang dikasihi; Che Suzei, Che
Suniza, Che Firuz, Che Suharra, Che Sumasyuni, Che Mohd Surfarraz, Che
Sumastura, Mohd Syahir, Siti Maziny Raffillah
dan Siti Amanina Yuhanness diikuti oleh

penyelia yang banyak membantu;
Prof Madya Aziz bin Nordin

dan sahabat-sahabat yang diingati selalu.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya memberikan kekuatan dan kesabaran dalam menyiapkan Projek Sarjana Muda ini. Selawat serta salam ke atas junjungan baginda Rasullulah S,A,W, keluarga baginda, para sahabat, para suhadak, para ambia serta para pejuang Islam keseluruhannya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia pembimbing tesis Prof Madya Aziz Bin Nordin kerana memberi bimbingan serta dorongan sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa dan sahabat-sahabat yang banyak memberi sokongan dan kerjasama sepanjang kajian ini dilaksanakan. Semoga Allah SWT akan memberi sebaik-baik ganjaran dan balasan atas sumbangan yang tidak ternilai. Akhir sekali penghargaan ini juga ditujukan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung membantu menyiapkan Laporan Projek Sarjana Muda ini. Jasa kalian semua amat saya hargai.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap kemahiran komunikasi berkesan yang meliputi kemahiran bertutur, kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran menggunakan istilah saintifik. Soal selidik telah digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai persepsi pelajar terhadap kemahiran komunikasi berkesan. Seramai 140 orang responden terlibat dalam kajian ini. Ia diambil secara sampel daripada populasi yang merujuk kepada Jadual Krejcie dan Morgan terhadap pelajar kursus tahun akhir Jabatan Sains dan Matematik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 11.5 dengan nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah 0.9391. Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap kemahiran komunikasi berkesan adalah sangat positif dan pada tahap yang tinggi. Berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi beberapa cadangan telah dikemukakan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti.

ABSTRACT

The purpose of this research is to look at the final year students of Faculty of Education Universiti Teknologi Malaysia towards their perspective on an effective communication skills that including skills of speaking, listening, reading, writing and scientific terms. The students' perspective on an effective communication skills questionnaire was used as the research instrument to look at the students' perspective on an effective communication skills. A sample of 140 students which was selected through sampel from population according to Krejcie and Morgan timetable to different courses of final year students from the department of Science and Mathematics, Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. Data collected were analyzed by SPSS software version 11.5 with the realibility for this study is a 0.9391. For overall, result shows that the final year students of Faculty of Education Universiti Teknologi Malaysia's perspective on an effective communication skills are positive and at high level. From this research, some suggestions had been given to improve the research findings.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN PENYELIA	i
	JUDUL	ii
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI SINGKATAN TATANAMA	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.4.1 Kepentingan Kemahiran Komunikasi	6
	1.4.2 Persepsi Pelajar Dalam Kemahiran Bertutur	6
	1.4.3 Persepsi Pelajar Dalam Kemahiran Mendengar	6
	1.4.4 Persepsi Pelajar Dalam Kemahiran Membaca	6
	1.4.5 Persepsi Pelajar Dalam Kemahiran Menulis	6

1.4.6	Persepsi Pelajar Dalam Kemahiran Menggunakan Istilah Saintifik	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Batasan Kajian	9
1.8	Definisi Istilah	10
1.8.1	Persepsi	10
1.8.2	Kemahiran	10
1.8.3	Komunikasi	11
1.8.4	Komunikasi Berkesan	12
1.9	Penutup	13

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	14
2.2	Bentuk Komunikasi	15
2.2.1	Komunikasi Lisan	15
2.2.2	Komunikasi Bukan Lisan	16
2.3	Kompenan Kecekapan Komunikasi	19
2.3.1	Pengetahuan	19
2.3.2	Kemahiran	19
2.3.3	Dorongan	19
2.3.4	Etika	20
2.4	Takrifan komunikasi	20
2.5	Kemahiran Komunikasi	22
2.5.1	Kemahiran Bertutur	26
2.5.2	Kemahiran Mendengar	28
2.5.3	Kemahiran Membaca	31
2.5.4	Kemahiran Menulis	33
2.5.5	Kemahiran Penggunaan Istilah Saintifik	35
2.6	Kepentingan Kemahiran Komunikasi	37

2.7	Pendekatan Menguasai Kemahiran Komunikasi	39
2.8	Ciri-ciri Komunikasi Yang Berkesan	39
2.8.1	Boleh Difahami	39
2.8.2	Pengaruh Terhadap Sikap	40
2.8.3	Tindakan	40
2.8.4	Meningkatkan Hubungan	40
2.8.5	Menggembirakan	40
2.9	Masalah Dari Segi Istilah	41
2.10	Kaedah Pengajaran Guru Yang Kurang Berkesan	42
2.11	Kajian-kajian Lepas	45
2.11.1	Kajian Berkaitan Kemahiran Komunikasi Dalam Negara	45
2.11.2	Kajian Berkaitan Kemahiran Komunikasi Luar Negara	49
2.12	Penutup	50

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	51
3.2	Rekabentuk Kajian	51
3.3	Lokasi Kajian	52
3.4	Sampel Kajian	53
3.5	Instrumen Kajian	54
3.6	Kajian Rintis	56
3.7	Kaedah Analisis Data	57
3.8	Penutup	58

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	59
4.2	Dapatan Kepentingan Kemahiran Komunikasi	

	Berkesan	60
4.3	Dapatan Kemahiran Bertutur	65
4.4	Dapatan Kemahiran Mendengar	68
4.5	Dapatan Kemahiran Membaca	72
4.6	Dapatan Kemahiran Menulis	75
4.7	Dapatan Kemahiran Istilah Saintifik	79
4.8	Penutup	81

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	82
5.2	Rumusan Kajian	83
5.3	Perbincangan	83
5.4	Implikasi Kajian	86
5.5	Cadangan	87
5.6	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	89
5.7	Penutup	91

	RUJUKAN	93
--	----------------	----

LAMPIRAN A-C

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	The data between the quantity of marble and the length of test tube sunk into water recorded from the experiment	25
3.1	Taburan skop persoalan kajian dan nombor item	55
3.2	Skala Pemeringkatan Skor Min	58
4.1	Analisis statistik deskriptif pelajar tahun akhir UTM terhadap kepentingan kemahiran komunikasi berkesan sebagai persediaan bakal guru	60
4.2	Analisis statistik deskriptif pelajar tahun akhir UTM terhadap aspek kemahiran bertutur.	65
4.3	Analisis statistik deskriptif pelajar tahun akhir UTM terhadap aspek kemahiran mendengar.	69

4.4	Analisis statistik deskriptif pelajar tahun akhir UTM terhadap aspek kemahiran membaca.	72
4.5	Analisis statistik deskriptif pelajar tahun akhir UTM terhadap aspek kemahiran menulis.	75
4.6	Analisis statistik deskriptif pelajar tahun akhir UTM terhadap aspek kemahiran menggunakan istilah saintifik.	79

SENARAI SINGKATAN

PMR – Penilaian Menengah Rendah

PPK – Pusat Perkembangan Kurikulum

P & P – Pengajaran dan Pembelajaran

PNGK – Penilaian Nilai Gred Kumulatif

SPSS – Statistical Package for the Social Science

UTM – Universiti Teknologi Malaysia

SPN – Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains)

SPC – Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Kimia)

SPK – Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)

SPP – Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik)

SPF – Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Fizik)

SPT – Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)

SPM - Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Alaf ke 19 dikatakan alaf revolusi industri. Alaf ke 20 merupakan alaf revolusi maklumat. Seseorang yang ingin meneruskan kehidupan pada alaf baru ini harus melengkapkan diri dengan tiga kualiti utama iaitu berilmu, berkemahiran dan jiwa besar serta beriman. Kemahiran-kemahiran yang disebut termasuklah kemahiran menggunakan teknologi tinggi, teknologi komunikasi maklumat, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran berfikir serta menguasai pelbagai bahasa dunia.

Kemahiran komunikasi bermaksud kebolehan kita untuk berinteraksi dengan orang lain sama ada dengan menggunakan media perantara ataupun sebaliknya. Kemahiran ini juga merangkumi kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar, etika dalam berkomunikasi dan juga mempunyai kaitan dengan penggunaan teknologi. Dalam arus perkembangan dunia sekarang, aspek ini menjadi satu kemahiran asas yang penting dan sememangnya wajib untuk dikuasai oleh setiap individu. Menurut Hashim (1997), kehidupan harian manusia adalah tidak terlepas dari proses komunikasi. Komunikasi berlaku di mana-mana dan tidak dapat dielakkan oleh sesiapaapun.

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) banyak melibatkan proses komunikasi. Proses P&P bukan sahaja bermatlamatkan menjadikan pelajar berilmu pengetahuan tetapi juga pembentukan sahsiah diri mereka dengan menerapkan kemahiran-kemahiran yang berguna. Proses P&P di sekolah melibatkan perhubungan atau komunikasi dan interaksi sama ada dengan pihak pentadbiran, rakan sejawat, masyarakat luar dan yang paling utamanya adalah interaksi antara guru dan pelajar. Proses komunikasi ini tidak terikat dalam bentuk sehalu sahaja dan lebih menarik jika proses P&P dijalankan secara komunikasi dua hala di dalam bilik darjah. Malah ada masanya, guru juga bertindak sebagai penerima dan pelajar pula bertindak sebagai penyampai. Ini bergantung kepada proses interaksi yang dicorakkan oleh mereka.

Ee (1999) yang menyatakan komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Malah kepentingannya dalam pendidikan juga turut diakui oleh Mok (2000) yang menyatakan proses komunikasi berlaku dalam hampir segala jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Menurut Samsuddin (1993), kejayaan fungsi pendidik bergantung kepada sejauh mana seseorang itu merasai bahawa pengetahuannya bertambah hasil daripada pendedahannya terhadap maklumat yang diterimanya. Guru mempunyai matlamat agar maklumat yang disampaikan itu akan membantu pelajar mendalami ilmu yang diajarnya. Guru yang tidak mempunyai kebolehan dalam berkomunikasi secara berkesan tidak berupaya mewujudkan pengajaran atau pembelajaran yang berkesan seterusnya akan sedikit sebanyak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Demi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru hendaklah mengambil inisiatif sendiri sama ada berlatih, mendalaminya dan seterusnya menguasai kemahiran ini dengan sempurna.

1.2 Latar Belakang Masalah

Matlamat dan ciri-ciri Falsafah Pendidikan Negara yang diamalkan di negara kita memperlihatkan hubungan dan jalinan yang amat erat dan ciri-ciri komunikasi yang berkesan antara guru dengan pelajar, antara guru dengan pengetua dan antara guru dengan guru. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab semua yang terlibat dengan organisasi sekolah perlu memahami dan mengamalkan komunikasi yang baik dan berkesan. Komunikasi yang berkesan adalah merupakan asas pendidikan yang bermutu.

Dengan itu, adalah wajar kiranya, para bakal pendidik diberi latihan kemahiran komunikasi yang berkesan sama ada kepada guru terlatih atau guru pelatih dengan harapan agar ia dapat diserapkan pula kepada pelajar-pelajar mereka nanti. Para pentadbir dan pengurus sekolah atau institusi pendidikan seharusnya peka dengan kepentingan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Ee (1996), komunikasi antara guru dengan pelajar memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan keberkesanan proses P&P. Komunikasi guru yang lemah akan menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi guru yang lemah akan menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dan masalah ini juga menyebabkan utusan yang dinyatakan dan maksud yang terpendam dalam mesej yang disampaikan oleh guru disalah tafsir atau kurang difahami oleh pelajar tersebut, dipegang dan diikuti sepenuhnya tanpa memikirkannya secara mendalam akibat daripada kesalahfahaman tadi.

Namun begitu, terdapat ramai dalam kalangan kita yang mengambil ringan dan memandang enteng tentang kepentingan kemahiran berkomunikasi dan tidak berusaha untuk mendalami serta memperbaiki mutu komunikasi yang

ada pada diri mereka ke tahap yang lebih baik. Sebenarnya, kemahiran ini bukan sahaja berguna kepada pelajar semasa mereka berada dalam alam persekolahan tetapi melihat kepada perubahan pasaran kerjaya dan era globalisasi pada masa kini yang menjadikan aspek kemahiran berkomunikasi ini sebagai elemen penting yang harus dikuasai oleh seseorang pelajar bagi melayakkan diri mereka untuk bersaing dalam arus pasaran kerjaya pada masa sekarang.

Tambahan lagi, sekiranya ia tidak diserapkan oleh guru pada peringkat sekolah lagi, sudah tentu ia akan mendatangkan masalah kepada pelajar mereka kelak untuk berhadapan dengan situasi dunia luar. Ia terbukti apabila ada sungutan yang sering disuarakan oleh majikan terhadap lulusan sekolah iaitu kegagalan berkomunikasi dengan baik dan lancar walaupun mereka mempunyai kelulusan akademik yang sangat baik. Kegagalan berkomunikasi dengan baik itu bukan sahaja bagi Bahasa Inggeris tetapi juga dalam Bahasa Melayu iaitu bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala Abdul Rahman (2000) mengatakan 80% manusia yang gagal dalam kerjayanya disebabkan kegagalan mereka untuk berhubung dengan orang lain.

Oleh sebab itu, dalam usaha untuk menerapkan kemahiran berkomunikasi ini ke dalam diri pelajar, mereka perlulah didedahkan dengan kemahiran-kemahiran asas dalam berkomunikasi seperti kemahiran mendengar, membaca, menulis, kemahiran penggunaan istilah saintifik dan yang paling utama adalah kemahiran bertutur. Apabila pelajar dapat menguasai kelima-lima kemahiran ini maka ia akan memudahkan tugas guru untuk mengadakan proses P&P dalam suasana kondusif dan berkesan di samping amalan gaya komunikasi ini akan terus disemai dari semasa ke semasa dalam diri setiap pelajar. Seterusnya, dengan harapan agar ia akan membantu pelajar bukan sahaja dalam aspek akademik dan amalan sosial mereka di luar, tetapi juga untuk persediaan kerjaya mereka kelak.

1.3 Pernyataan Masalah

Sejak lahir kita didedahkan dengan ilmu pengetahuan. Tidak kira dari apa jua sumbernya, yang penting kita akan belajar sesuatu perkara seperti juga seorang kanak-kanak iaitu apabila dia mencapai umur lima tahun dia akan dihantar ke sekolah rendah dan seterusnya ke sekolah menengah dan akhirnya ke menara gading atau institusi-institusi pengajian yang lain.

Tambahan pula, pencapaian dalam akademik merupakan ukuran paling tinggi bagi seseorang penuntut. Namun begitu, pada masa kini, dengan sekeping ijazah tidak akan menjamin pastinya mendapat pekerjaan apabila keluar bekerja kelak. Permintaan terhadap tenaga sumber manusia adalah tinggi kerana banyak kerja yang boleh diganti dengan teknologi yang kian canggih. Oleh sebab itu, individu harus melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang lain selain pencapaian akademik yang cemerlang.

Penyampaian maklumat oleh guru kepada pelajar perlulah betul dan tepat. Namun pengajaran guru yang betul dan tepat juga akan mendatangkan hasil jika pelajar tidak mempunyai kemahiran untuk menerima maklumat tersebut. Cara untuk mendapatkan maklumat tersebut dapat diperolehi apabila seseorang itu mempunyai kemahiran komunikasi berkesan seperti kemahiran mendengar, kemahiran membaca dan dapat mengawal keadaan persekitarannya. Ini kerana keadaan persekitaran juga boleh mempengaruhi pelajar untuk menggunakan kemahiran komunikasi. Pelajar seharusnya sudahpun memiliki pengetahuan asas berkaitan komunikasi berkesan. Gaya penggunaan kemahiran komunikasi pula boleh mempengaruhi peribadi pelajar agar lebih berkeyakinan untuk menimba ilmu.

Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji kebolehan kemahiran komunikasi berkesan dalam kalangan pelajar tahun akhir aliran Sains Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengenalpasti persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan di UTM terhadap kepentingan kemahiran komunikasi berkesan sebagai bakal guru.
- 1.4.2 Mengenalpasti persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan di UTM dalam kemahiran bertutur melalui amalan pertuturan mereka.
- 1.4.3 Mengenalpasti persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan di UTM dalam kemahiran mendengar melalui amalan mendengar mereka.
- 1.4.4 Mengenalpasti persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan di UTM dalam kemahiran membaca melalui amalan membaca mereka.
- 1.4.5 Mengenalpasti persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan di UTM dalam kemahiran menulis melalui amalan menulis mereka.
- 1.4.6** Mengenalpasti persepsi pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan di UTM dalam kemahiran menggunakan istilah saintifik melalui amalan harian mereka.